

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN NOGEH ANAK GUMBOK
[MAS GADING]
SOALAN :**

YB TUAN NOGEH ANAK GUMBOK [MAS GADING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang telah, sedang dan bakal diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan mesin jualan air tapisan di seluruh negara mematuhi tahap kebersihan yang ditetapkan serta bebas daripada bakteria yang memudaratkan kesihatan seperti E. Coli, Coliform dan Clostridium perfringens.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa mengambil serius isu keselamatan makanan termasuk tahap keselamatan air yang dijual melalui mesin jual air. KKM ingin memaklumkan bahawa keselamatan dan kebersihan air dari mesin jual air adalah dikawal di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Peraturan 360C(3), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 memperuntukkan air dari mesin jual air hendaklah mematuhi standard

seperti yang telah ditetapkan di dalam Jadual Kedua Puluh Lima termasuk standard bakteria dan Peraturan 360C(4), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 memperuntukkan tiada sesiapa boleh mengendalikan mesin jual air bagi maksud perdagangan atau perniagaan melainkan jika ianya telah dilesenkan oleh KKM. Manakala Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 menetapkan keperluan kebersihan sesuatu mesin jual air.

KKM akan terus menguatkuasakan Peraturan 360C(3), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 sementara penguatkuasaan Peraturan 360C(4) berkaitan keperluan pelesenan oleh KKM bagi mesin jual air akan bermula pada 1 Januari 2015.

Tuan Yang DiPertua,

Sehubungan itu, KKM sedang menjalankan pemeriksaan untuk memastikan mesin jual air mematuhi keperluan standard bakteria di bawah Peraturan 360C(3) dan keperluan kebersihan di bawah Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan. Hasil pemantauan yang dijalankan di seluruh negara pada tahun 2013, sejumlah 205 sampel air telah dianalisis dan hasil analisis tersebut mendapati 15 (7.3%) sampel telah dicemari bakteria koliform. Pemilik mesin jual air berkaitan yang dicemari bakteria koliform telah diberi amaran. Di samping itu, pada bulan September 2014, KKM juga telah mengambil 15 sampel air dari mesin jual air di mana empat (4) sampel tersebut didapati tidak mematuhi standard bakteria. Keempat-keempat mesin jual air berkaitan telah disita dan ditahan mengikut kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(1)(f), Akta Makanan 1983.

Tuan Yang DiPertua,

Mana-mana orang yang gagal mematuhi Peraturan 360C(3) atau 360C(4), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 adalah melakukan suatu kesalahan dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM5,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua (2) tahun. Manakala mana-mana orang yang gagal mematuhi Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 adalah melakukan suatu kesalahan dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM10,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua (2) tahun.

Tuan Yang DiPertua,

Sebelum ini, KKM juga telah mengadakan taklimat bersama industri mesin jual air bagi memaklumkan mengenai proses pelesenan dan penguatkuasaan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan mesin jual air pada 15 November 2013. Ini disusuli dengan mesyuarat bersama industri tersebut pada 20 Januari 2014. Pihak industri telah diberi peringatan supaya pemohonan lesen dilakukan dengan segera.

Bagi memudahkan pihak industri dalam memohon lesen untuk mengendalikan mesin jual air bagi maksud perdagangan atau perniagaan, KKM telah menyediakan dan mengedarkan dokumen-dokumen berikut;

- Garis Panduan Pemohonan Lesen untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan atau Perniagaan
- Prosedur Pengeluaran Lesen Untuk Mengendalikan Mesin Jual Air Bagi Maksud Perdagangan atau Perniagaan; dan
- Contoh Manual Sistem Kawalan Keselamatan Mesin Jual Air

Tuan Yang DiPertua,

Adalah menjadi tanggungjawab pihak industri untuk memastikan mesin jual air telah dilesenkan dan kebersihan mesin jual air sentiasa dijaga bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang. Manakala KKM akan terus menjalankan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan kepada perundangan makanan.

NO. SOALAN: 172

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NOGEH ANAK GUMBOK
[MAS GADING]**

RUJUKAN : 7269

SOALAN:

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api buatan sendiri setakat September 2014 di seluruh negara serta langkah yang diambil bagi membendung peningkatan penghasilan serta penyalahgunaan senjata api buatan sendiri.

JAWAPAN:

Kementerian amat peka untuk memastikan keselamatan negara dan ketenteraman awam sentiasa terjamin dari sebarang ancaman yang boleh menggugat kestabilan negara terutamanya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api sama ada senjata api tulen, tiruan atau senjata api buatan sendiri.

Bagi senjata api buatan sendiri, lazimnya dihasilkan oleh individu bagi berbagai tujuan seperti memburu, menjaga tanaman dan lain-lain. Tidak dinafikan juga senjata api berkenaan digunakan untuk tujuan jenayah, namun pihak polis tidak dapat memastikan secara jelas adakah senjata api yang digunakan oleh penjenayah merupakan senjata api tulen, tiruan atau buatan sendiri. Pengesahan hanya boleh dibuat setelah pihak polis berjaya merampas senjata api berkenaan.

Statistik senjata api buatan sendiri yang dirampas semasa pemeriksaan, tangkapan dan operasi khas yang dijalankan bagi tahun 2012 sehingga 2014 (Ogos) mengikut negeri seperti berikut;

KONTINJEN	RAMPASAN SENJATAPI BUATAN SENDIRI			
	2014 (JAN -SEPT) 21/09/14	2013	2012	JUMLAH
PERLIS	0	0	0	0
KEDAH	3	9	3	15
P.PINANG	1	0	0	1
PERAK	8	6	1	15
SELANGOR	1	1	1	3
K.LUMPUR	0	0	0	0
N.SEMBILAN	4	2	0	6
MELAKA	1	2	0	3
JOHOR	5	2	6	13
PAHANG	12	7	6	25
TERENGGANU	1	3	3	7
KELANTAN	22	17	4	43
SABAH	28	20	17	65
SARAWAK	15	21	9	45
JUMLAH	101	90	50	241

Antara langkah-langkah yang diambil bagi membendung penghasilan senjata api buatan sendiri seperti berikut:-

- i) Mempertingkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasa lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Perhilitan dan Taman Negara dan Jabatan Perhutanan untuk membanteras penyeludupan dan penyalahgunaan senjata api haram.**

- ii) Memperketatkan kawalan di sempadan bagi mencegah aktiviti kemasukan senjatapi kerana kebanyakan kompenan untuk membuat senjata api tiruan diseludup dari negara luar.**

- iii) Memantapkan pengumpulan maklumat berkaitan risikan berkaitan aktiviti jenayah melibatkan senjata api dan menjalankan operasi khas seperti Ops Cantas Khas, Ops Api (senjata api yang berada dalam negara) dan Ops Laras (senjata api yang diseludup masuk).**

Pihak polis akan meneruskan operasi secara berterusan bagi menjamin keselamatan negara sentiasa terpelihara dan rakyat akan merasa selamat dan memastikan '*fear of crime*' di kalangan masyarakat dapat dikurangkan.